

28/07/1999

LID belum sedia terima negara maju

LID belum bersedia menerima kehadiran negara barat yang telah maju menyertainya sebagai rakan dalam membincangkan pelbagai perkara membabitkan negara dunia ketiga.

Ketua negara yang menyertai LID 99 yang berakhir semalam bersetuju supaya dialog itu kekal dengan keadaan sekarang tanpa membabitkan negara maju yang lebih mementingkan diri sendiri dan sering memperkecilkan negara dunia ketiga.

Pendirian itu dinyatakan oleh ketua negara yang menghadiri LID 99 dalam sesi dialog mereka bersama wakil media, semalam.

Beberapa daripada mereka termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyatakan pendirian berkenaan ketika menjawab soalan Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times Press (NSTP), Datuk A Kadir Jasin, yang meminta penjelasan sama ada LID bersedia membuka pintunya kepada negara barat dan tidak kekal sebagai pertemuan sesama negara dunia ketiga saja.

Dr Mahathir yang menjadi ketua negara pertama memberi penjelasan berkata, walaupun LID tidak membabitkan negara maju secara keseluruhan, wakil mereka tetap ada dan memberi sumbangan kepada LID.

"Tetapi jika kita menerima semua negara maju, mereka ada kecenderungan untuk memperkecilkan kita dan menguasai kita.

"Mereka juga akan memberitahu kita ini yang patut dilakukan dan ini yang tidak patut dilakukan dan jika tidak melakukannya, kita perlu menanggung akibatnya.

"Disebabkan itu, kita mahu berada sesama kita dan tiada masalah jika kita berada dalam dunia ketiga," katanya.

Presiden Botswana, Festus Mogae bersetuju dengan Dr Mahathir walaupun berpendapat pertemuan seumpama itu sepatutnya membabitkan semua pihak.

Menurutnya, disebabkan negara maju yang terbabit dalam amalan sistem dunia sekarang, adalah wajar negara dunia ketiga menentukan arah tuju sesama sendiri.

"Kita akan memasukkan mereka juga, tetapi jika barat menganggap suasana sekarang sebagai ideal, kenapa mereka harus mengambil kisah (mengenai LID)," katanya.

Presiden Mozambique, Joaquim Alberto Chissano; Raja Swaziland, Raja Mswati III, Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe dan Perdana Menteri Lesotho, Pakalitha Bethuel Mosisili turut bersetuju dengan Dr Mahathir dan Festus Mogae.

Joaquim berkata, beberapa negara yang pertama kali menyertai LID seperti Afrika Selatan, Namibia dan Lesotho berpeluang menjalin kerjasama bersama negara dunia ketiga lain.

"Kita boleh berkerjasama sesama sendiri dan bina diri sendiri dahulu menerusi perkongsian bijak. Jika mereka (barat) menjadi bijak baru mereka boleh menyertai kita," katanya secara sinis.

(END)